

Seragamkan lampu, siren bagi elak salah guna: Pakar



SITUASI berlaku susulan peningkatan trend penggunaan lampu strob dan siren oleh kenderaan persendirian, khususnya di kawasan bandar yang sesak.

Oleh **Muhamaad Razis Ismail**
razis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Penyeragaman reka bentuk lampu dan bunyi siren bagi kenderaan rasmi antara langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah salah faham dalam kalangan pengguna jalan raya.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua berkata, perkara itu boleh dipertimbangkan berikutan terdapat pihak tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kemudahan berkenaan.

“Pihak berkaitan juga boleh menggunakan pelekat atau nombor pengenalan khas yang mudah dikenal

pasti untuk kenderaan yang menggunakan lampu dan siren di jalan raya.

“Pada masa sama, penguatkuasaan yang lebih tegas dan juga konsisten selain penyediaan saluran aduan awam yang mudah diakses juga boleh membantu melaporkan penyalahgunaan dengan cepat,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai satu video sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang dilihat menggunakan lampu strob atau siren di jalan raya sehingga tular di media sosial, baru-baru ini.

Video berkenaan menerima pelbagai reaksi dalam kalangan warga maya yang mempertikaikan tindakan pemandu kenderaan terbabit.

Bagaimanapun, Ketua Ja-

batan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur Asisten Komisioner Mohd Zamzuri Mohd Isa sebelum ini dilaporkan berkata, MPV terbabit yang digunakan atas tugas rasmi sebuah kementerian mempunyai kebenaran daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk menggunakan isyarat amaran itu.

Beliau mengakui situasi itu berlaku susulan peningkatan trend penggunaan lampu strob dan siren oleh

kenderaan persendirian, khususnya di kawasan bandar yang sesak.

“Fenomena ini sering membabitkan kenderaan mewah, kenderaan pengiring tidak rasmi atau individu tertentu yang ingin mendapatkan keutamaan laluan.

“Trend ini dipengaruhi faktor gaya, persepsi status, serta salah faham bahawa penggunaan aksesori berkenaan boleh mempercepat pergerakan dalam kesesakan lalu lintas,”

“Pemandu kenderaan rasmi juga dilatih untuk menggunakannya secara berhemah, mengelakkan penyalahgunaan serta mematikan siren apabila tidak lagi diperlukan, contohnya di kawasan perumahan atau ketika trafik lancar”

Dr Law Teik Hua

katanya.

Mengulas lanjut, Law berkata, prosedur operasi standard (SOP) menetapkan bahawa lampu strob dan siren hanya boleh diaktifkan apabila benar-benar wujud situasi kecemasan atau tugas rasmi yang memerlukan keutamaan laluan.

“Pemandu kenderaan rasmi juga dilatih untuk menggunakannya secara berhemah, mengelakkan penyalahgunaan serta mematikan siren apabila tidak lagi diperlukan, contohnya di kawasan perumahan atau ketika trafik lancar,” katanya.

Mengulas tahap kesedaran masyarakat berhubung perkara itu, beliau mengakui ia masih berada pada tahap sederhana.

“Walaupun ramai mengetahui bahawa penggunaan siren dan lampu strob

adalah menyalahi undang-undang, masih terdapat kekeliruan mengenai jenis lampu yang dibenarkan serta situasi sebenar yang melayakkan penggunaannya.

“Dalam hal ini, pendidikan dan kempen kesedaran masih perlu diperkukuhkan,” katanya.

Selain itu, beliau berharap semua pengguna jalan raya memahami bahawa lampu strob dan siren bukan simbol status, sebaliknya alat keselamatan yang kritikal.

“Nasihat saya, patuhilah undang-undang dan utamakan keselamatan bersama. Sikap bertanggungjawab setiap individu akan membantu memastikan jalan raya lebih selamat dan kenderaan kecemasan sebenar dapat menjalankan tugas mereka tanpa halangan,” katanya.